

BASIC UNDERSTANDING

KEFAHAMAN ASAS

Presented by: Assoc. Prof. Dr.. Khairil Azmin Mokhtar, AIKOL IIUM

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN II - KEBEBASAN ASASI

- Perkara 5. Kebebasan diri.
- Perkara 6. Keabdian dan kerja paksa dilarang.
- Perkara 7. Perlindungan daripada undang-undang jenayah kuat kuasa ke belakang dan perbicaraan berulang.
- Perkara 8. Kesamarataan.
- Perkara 9. Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak.
- Perkara 10. Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuhan.
- Perkara 11. Kebebasan beragama.
- Perkara 12. Hak berkenaan dengan pendidikan.
- Perkara 13. Hak terhadap harta.

Perkara 5. Kebebasan diri.

-

Perkara 9. Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak.

-

Perkara 10. Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan.

-

• Perkara 11. Kebebasan beragama.

Perkara 5. Kebebasan diri

- (1) Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.**
- Hak Kebebasan Diri – ‘Right to Livelihood’- Hak Untuk Bekerja dan Mencari Nafkah untuk Kehidupan
 - Hak ini TIDAK MUTLAK.
 - Hak ini boleh disekat mengikut undang-undang.

Perkara 9. Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak.

.

- (1) Tiada seorang pun warganegara boleh dibuang negeri dari atau ditahan masuk ke Persekutuan.**

- (2) Tertakluk kepada Fasal (3) dan kepada mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam, kesihatan awam, atau penghukuman pesalah, tiap-tiap warganegara berhak bergerak dengan bebas di seluruh Persekutuan dan bermastautin di mana-mana bahagiannya.**

Perkara 9 (1)

Tiada seorang pun warganegara boleh dibuang negeri dari atau ditahan masuk ke Persekutuan.

- Kerajaan membawa balik warganegara yang berada di luar negeri, walaupun didapati positif Covid19
- Kerajaan boleh menghalang warga asing dari masuk ke Malaysia dan menghantar balik warga asing sama positif Covid 19 ataupun tidak

Perkara 9(2)

Tertakluk kepada kepada mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan

- keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya,**
- ketenteraman awam,**
- kesihatan awam, atau**
- penghukuman pesalah,**

tiap-tiap warganegara berhak bergerak dengan bebas di seluruh Persekutuan dan bermastautin di mana-mana bahagiannya.

- Warganegara berhak bergerak dengan bebas dan bermastautin di seluruh Persekutuan
- Bukan warganegara dibenarkan tetapi tidak mempunyai hak seperti warganegara

Hak warganegara untuk bergerak dan bermastautin TERTAKLUK (atau boleh disekat) oleh undang-undang berhubung dengan ‘kesihatan awam’.

- AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 (Undang-Undang Ibu)
- Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 2020
(Undang-Undang Kecil)
- PKP
- PKPB

Perkara 10. Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan.

(1) Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4)—

- **(a) tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara;**
- **(b) semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata;**
- **(c) semua warganegara berhak untuk membentuk persatuan.**

Semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata.

Perkara 10(1) (b)

Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan ke atas hak **untuk berhimpun**, apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan atau ketenteraman awam.

Perkara 10(2) (b)

Perkara 11. Kebebasan beragama.

- (1) **Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya.**
- (5) **Perkara ini tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral.**

Tiap-tiap orang berhak menganuti, mengamalkan dan mengembangkan agamanya.

Perkara 11(1)

Perkara ini tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan

- ketenteraman awam,
- kesihatan awam atau
- prinsip moral.

Perkara 11(5)

- **Hak warganegara untuk bergerak dan bermastautin TERTAKLUK (atau boleh disekat) oleh undang-undang berhubung dengan ‘kesihatan awam’.**

**AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 – Undang-Undang
Ibu**

Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 2020 – Undang-Undang Kecil

PKP

PKPB